

Sabtu, 13 Julai 2019 | 6:44pm

Subsidi petrol bersasar akan diumum tidak lama lagi

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

NIBONG TEBAL: Rakyat diminta bersabar dengan memberikan tempoh sedikit masa sahaja lagi kepada kerajaan berhubung pelaksanaan subsidi petrol bersasar yang dijanjikan kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya mahupun Kementerian Kewangan (MOF) tidak berdepan sebarang masalah dalam proses melaksanakan pemberian subsidi petrol bersasar berkenaan.

Berikutan itu, katanya, rakyat tidak perlu risau dan menantikan sahaja pengumuman yang akan dibuat tidak lama lagi.

"Dalam pembentangan belanjawan pada November tahun lalu menyebut bahawa pelaksanaan subsidi petrol bersasar itu akan dilaksanakan pada suku kedua tahun ini.

"Jadi, apa yang dilakukan pihak kita bersama MOF dalam tempoh Januari hingga Jun adalah mengadakan pertemuan dengan pemegang taruh antaranya pengusaha stesen minyak, persatuan pengguna, dan agensi-agensi penting yang lain untuk mencari formula terbaik, yang mana kita sudah perolehnya dan sedang menyiapkan kertas jemaah menteri untuk dibentangkan dalam sidang Parlimen," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Merasmikan Kempen Kesedaran Keselamatan Petroleum Peringkat Negeri Pulau Pinang di Stesen Minyak BH Petrol Jawi, di sini, hari ini.

Tegasnya, beliau optimis kertas jemaah menteri yang mengandungi proses, garis masa, mekanisme dan jumlah penerima yang sedang disiapkan kementeriannya bersama MOF itu akan dibentangkan pada bulan ini.

"Kita tidak berdepan apa-apa masalah dalam pelaksanaan subsidi petrol bersasar ini dan sekarang kita juga sudah berada pada tahap menyiapkan kertas jemaah menteri ini yang mana apabila dibentangkan kelak dan mendapat 'green light' (lampa hijau), maka ia akan terus diumumkan," katanya.

Pada Bajet 2019 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada November tahun lalu menyatakan pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal berkapasiti enjin 125cc akan menikmati subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter.

Menerusi mekanisme subsidi itu, pemilik kereta akan menerima subsidi petrol RON95 terhad kepada 100 liter bagi pemilik kereta dan 40 liter bagi motosikal.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin Nasution menyifatkan rakyat di negara ini mempunyai kesedaran tinggi terhadap keselamatan ketika berada di stesen minyak.

"Kita lihat angka kemalangan di stesen minyak masih pada tahap rendah dan ia membuktikan bahawa masyarakat mempunyai kesedaran tinggi untuk menjaga keselamatan mereka.

"Bagaimanapun, kempen kesedaran keselamatan ini perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa kerana kita tidak mahu bila sudah terhantuk baru nak terngadah," katanya.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengisi minyak petrol semasa majlis perasmian Kempen Kesedaran Keselamatan Petroleum peringkat negeri Pulau Pinang anjuran KPDNHEP di stesen minyak BH Petrol Jawi, Jalan Besar, Sungai Jawi, Nibong Tebal. - Foto Rosli Ahmad